

## PUTERI LI PO

Kisah dalam drama ini berlaku pada kurun ke-15 pada zaman pemerintahan Sultan Mansor Shah. Puteri Cina bergelar Li Po telah dijadikan isteri keempat baginda dan dianugerahkan gelaran “Hang”. Drama ini bertemakan cubaan dan dugaan yang dihadapi Puteri Hang Li Po untuk menyesuaikan diri dengan cara hidup di Melaka sebagai isteri Sultan Mansor Syah. Puteri Hang Li Po berasa sedih dan rindu kerana terpaksa menyesuaikan diri di negara baru. Negeri Melaka sangat berbeza dari segi adat, budaya dan cara hidup masyarakatnya. Sultan Mansor telah memiliki tiga orang isteri menyebabkan Puteri Hang Li Po berasa sunyi dan kurang mendapat kasih sayang.

### Permulaan cerita

Mengapakah Puteri Hang Li Po tidak berselera menjamah buah-buahan tersebut ?

- Hal ini demikian kerana buah-buahan tersebut tidak sama rasanya dengan buah **laici** kesukaannya. Baginda tidak menyukai rasa masam buah-buahan tersebut.

Puteri Hang Li Po menyuruh dayang-dayangnya memakan buah-buahan tersebut tetapi mereka tidak mahu. Mengapa?

- Hal ini demikian kerana adat melarang dayang-dayang makan buah-buahan yang belum dimakan oleh raja.

### Perkembangan

Puteri Hang Li Po menyuruh dayang-dayang membiarkannya sendirian kerana baginda ingin beradu. Semasa sedang beradu, baginda telah bermimpi diganggu oleh Jin Afrit yang besar dan menyerupai Sultan Mansor Syah.

Mengapakah jin tersebut mengganggu Puteri Hang Li Po ?

- Hal ini demikian kerana jin tersebut menyukai Puteri Hang Li Po.

Puteri Hang Li Po telah menerima kunjungan daripada Hang Jebat dan Tun Per patih Putih yang membawa berita bahawa Sultan akan menganugerahi gelaran “Hang”. Baginda ialah wanita pertama yang menerima gelaran tersebut. Puteri Hang Li Po perlu menjalani latihan penganugerahan itu.

Mengapakah Sultan berpendapat Puteri Hang Li Po layak menerima gelaran ini ?

- Hal ini demikian kerana Puteri Hang Li Po telah berjaya mengharungi cabaran untuk menyesuaikan diri di negara yang berbeza adat budayanya dan menguasai bahasa tanpa banyak masalah.

Selepas majlis penganugerahan, Puteri Hang Li Po diperkenalkan dengan isteri-isteri Sultan Mansor.

1. Isteri pertama, **Permaisuri Melaka : Tun Putih Nurpualam**
2. Isteri kedua: **Tuanku Puteri Wanang Seri**
3. Isteri ketiga : **Tuanku Puteri Raden Galoh Cendana**

Siapakah yang akan duduk di sebelah Sultan Mansor bagi setiap kali upacara rasmi ?

- **Tun Putih Nurpualam**

Puteri Hang Li Po meminta Sultan Mansor mengirim salam kepada ayahandanya Maharaja China. Sultan Mansor keberatan tetapi Puteri Hang Li Po telah mendesak baginda.

Mengapakah Sultan Mansor keberatan untuk mengirim salam kepada ayahanda Puteri Hang Li Po?

- Hal ini demikian kerana Sultan Mansor bimbang sesuatu yang tidak baik akan menimpa ayahanda Puteri Hang Li Po sepertimana yang berlaku kepada ayahanda Raden yang mengalami gatal-gatal setelah Sultan mengirinkan salam kepadanya.

### Klimaks

Puteri Hang Li Po telah jatuh hati kepada Hang Jebat. Puteri Hang Li Po menyuruh Dang Wangi menjemput Hang Jebat ke istananya. Hang Jebat terkejut apabila Puteri Hang Li Po meluahkan perasaannya. Namun, Hang Jebat telah menolaknya dengan alasan Puteri Hang Li Po ingin menguji kesetiannya kepada Sultan. Puteri Hang Li Po berasa malu dengan tindakannya itu. Dang Wangi cuba memujuk baginda. Dang Wangi telah memberitahu bahawa dia dan Hang Jebat saling mengasihi. Apakah reaksi Puteri Hang Li Po apabila mendengar pengakuan Dang Wangi tersebut ? Puteri Hang Li Po murka kerana Dang Wangi tidak menceritakan hal tersebut kepadanya. Dang Wangi telah dihantar untuk menjadi dayang kepada **Permaisuri Nurpualam**. Puteri Hang Li Po memberi amaran kepada Dang Wangi supaya merahsiakan peristiwa antara baginda dengan Hang Jebat.

### Peleraian

Puteri Hang Li Po menyesal dan berasa malu atas perbuatannya dengan Hang Jebat. Baginda berazam mengasihi suaminya Sultan Mansor dan mempelajari adat istiadat serta kebudayaan Melayu.

Dua berita gembira mengakhiri drama ini. Pertama, kehamilan Puteri Hang Li Po. Kedua, penyakit kenohong (kusta) yang dihidapi Maharaja China sudah sembuh setelah Tun Perpatih Putih menghantar air penawar.